

CNS4595

R GB 07-07 00164 BH309

Bah

NEGARA BERSIH LIMA TAHUN LAGI, KATA MAHATHIR

Mahathir - Kebersihan

KUALA TERENGGANU, 7 Jul a i (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pihak berkuasa tempatan hendaklah memainkan peranan penting bagi menentukan keindahan dan kebersihan negara menjadi kenyataan dalam masa lima tahun akan datang.

Beliau berkata, orang ramai termasuk pihak swasta; pertubuhan dan badan kebajikan, penjaja dan golongan lain haruslah bersama-sama menjayakan usaha itu.

Menurut beliau kejayaan usaha itu bukan sahaja akan menaikkan imej negara di kaca mata dunia, bahkan rakyat juga akan dapat menikmati keindahan dan kebersihan itu sepanjang masa.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan sempena pelancaran Program +Bersih dan Indah+ peringkat negeri Terengganu yang dibacakan oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad di sini hari ini.

Menurut beliau, salah satu unsur penting bagi menjayakan usaha itu ialah sikap rakyat yang positif untuk meningkatkan kebersihan dan keindahan rumah sendiri, kawasan sekeliling, bandar dan negara. -- Lagi

▼07/07/13-44MST

CNS4597

11 GB 07-07 00159 BH310

Bah

Mahathir - Kebersihan 2 (Akhir) Kuala Terengganu

Sebelum itu, dalam ucapannya Wan Mokhtar menggesa pihak berkuasa tempatan di negeri ini mengkaji cadangan untuk menswastakan kerja-kerja melupuskan sampah sarap bagi meningkatkan mutu kebersihan.

Menurut beliau, setakat ini Majlis Daerah Setiu dan Kemaman telahpun mengambil tindakan seumpamanya itu.

Beliau juga menyarankan supaya pihak berkuasa tempatan menyediakan peraturan dan undang-undang kecil berkaitan dengan penebangan pokok-pokok sama ada di atas tanah kerajaan ataupun persendirian.

Peraturan seumpama ini penting terutama bagi mencapai matlamat menghijaukan bumi, katanya,

Beliau juga membidas perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab merosakkan papan tanda nama-nama jalan dan kampung yang sedang menular di negeri ini kerana perbuatan khianat itu bukan sahaja menyusahkan orang ramai bahkan memberi imej buruk terhadap masyarakat Terengganu.

Pada majlis itu, Wan Mokhtar menyampaikan 18 buah lori pemampat sampah bernilai \$2 juta sumbangan Kerajaan Negeri kepada tujuh buah majlis tempatan di negeri ini. -- Bernama/IB.

▼07/07/13-47MST